

01/04/2002

Mara kaji tawaran pendidikan Russia

KUALA LUMPUR, Rabu - Mara diarah menghantar pegawainya ke Moscow bagi membincangkan tawaran Russia untuk menyediakan tempat kepada pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi negara itu.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Nazri Aziz, berkata beliau difahamkan Russia membuat tawaran itu hasil perbincangan sempena lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Moscow, baru-baru ini.

Tawaran itu termasuk menyediakan 50 tempat dalam fakulti perubatan, 50 tempat dalam fakulti bahasa Inggeris dan 30 tempat dalam fakulti bahasa Russia.

"Kita minta Mara pergi ke Moscow dan berhubung menerusi Kedutaan Russia di sini bagi membuat usaha susulan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Larian Amal Institut Malaysia-Jerman (GMI) di Dataran Merdeka di sini, hari ini.

Beliau yang turut mengikuti lawatan Perdana Menteri ke Jerman dua minggu lalu, berkata satu perjanjian persefahaman juga ditandatangani antara Mara dengan kerajaan negeri Bavaria, Jerman.

"Bavaria bersetuju memberikan tempat kepada pelajar tajaan Mara dalam bidang automotif mulai tahun depan," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, Mara akan menghantar 45 penuntut tajaannya ke Bavaria mulai September tahun depan bagi melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan automotif.

Dalam perjanjian itu, Bavaria bersetuju menerima dan menempatkan 45 pelajar dari Malaysia setiap tahun bagi melanjutkan pelajaran, mengikuti kursus latihan dan praktikal di pusat pengajian tinggi mereka untuk tempoh empat tahun.

Bavaria merupakan sebuah negeri perindustrian paling moden dan dinamik di Jerman dan menyumbang sebanyak 32 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara itu.

Ia turut menempatkan ibu pejabat dan kilang pengeluaran beberapa syarikat pembuat kereta terkenal seperti BMW.

Nazri berkata setiap pelajar diwajibkan mengikuti kursus persediaan selama dua tahun di bawah Mara untuk mendalami bahasa Inggeris dan bahasa Jerman sebelum dihantar ke Bavaria.

Katanya, usaha itu selaras dengan saranan Dr Mahathir yang mahukan lebih ramai pelajar Malaysia mendalami latihan dan kemahiran dalam bidang automotif di Jerman.

"Malah Perdana Menteri turut menggalakkan supaya diadakan program latihan berkembar dengan IPT di Jerman, dan kita sedang berusaha ke arah itu," katanya.

Nazri turut memuji peranan GMI yang merupakan nadi utama dalam menggerak kerjasama antara kerajaan Malaysia dan Jerman dalam bidang pendidikan khususnya membantu menyediakan peluang untuk pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran ke negara itu.

Sementara itu, Ketua Pengarah Mara Datuk Mohamed Mydin Mohamed Sheriff ketika ditemui pada majlis yang sama berkata setakat ini kurang daripada 150 pelajar di Malaysia sedang mengikuti pelajaran di seluruh Jerman terutama dalam bidang automotif, elektronik dan mekatronik.

Bagaimanapun, katanya, mulai tahun ini, Mara sedang melatih kumpulan pertama pelajar untuk di hantar ke Bavaria pada September 2003 disusuli dengan kumpulan kedua setahun selepas itu.

"Semua penuntut yang terpilih merupakan penuntut cemerlang SPM dan

mendapat tajaan penuh Mara," katanya.
(END)